

# PM nasihati pimpinan baru Pemuda

BH 11 SEP 1982

KUALA LUMPUR, Jumaat — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan menemui pucuk pimpinan Pemuda UMNO yang baru secepat mungkin untuk memberi nasihat dan bimbingan.

Menurut beliau, kerjasama yang lebih erat dengan Pemuda perlu ditingkatkan bagi mengelakkan tuduh-menuduh antara satu sama lain.

Beliau menjelaskan demikian ketika mengulas pertandingan sengit pucuk pimpinan Pemuda UMNO antara Encik Anwar Ibrahim dengan Datuk Haji Suhaimi Datuk Ka-

maruddin di Perhimpunan Agung UMNO di sini hari ini.

Ketika ditanya mengenai kedudukan Datuk Haji Suhaimi selepas tewas di tangan Encik Anwar, Perdana Menteri berkata: "Beliau masih lagi Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri."

Presiden UMNO itu ketika mengulas kemenangan Encik Anwar berkata: "Kita bekerja dalam satu pasukan. Yang kalah masih bersama dalam pasukan itu dan yang menang barang kali berlain corak perjuangannya," tambah beliau lagi.

Beliau juga gembira kerana 'pilihan raya' semalam berjalan licin dan tidak ada kejadian

yang tidak diingini berlaku.

Menurutnya, pilihan yang dibuat oleh para perwakilan akan diterimanya dengan baik.

"Pemimpin yang dikehendaki oleh kebanyakan anggota Pemuda telah pun dipilih. Sama ada pemimpin yang baru dipilih itu baik atau tidak, sama-samalah kita tunggu dan saksikan sendiri," jelas beliau.

Bagaimanapun, jelas Datuk Seri Dr. Mahathir lagi, beliau menginginkan hasil yang baik. "Seperti lazimnya saya akan terus memberikan bimbingan kepada Pemuda UMNO jika mereka memerlukan," tambah beliau.